

UNIQLER CREAM

Betamethasone 0.05% w/w (as Bethamethasone Dipropionate)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Uniqler Cream
2. Bagaimana Uniqler Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Uniqler Cream
4. Cara menggunakan Uniqler Cream
5. Semasa menggunakan Uniqler Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Uniqler Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan Uniqler Cream

Uniqler Cream digunakan bagi melegakan:

- Ekzema
- *Psoriasis* (masalah kulit dengan benjolan, rasa kasar, kemerahan pada bahagian yang diliputi dengan sisik kering dan halus berkilauan)
- *Contact dermatitis* (masalah kulit dengan ruam gatal yang merah)
- *Atopic dermatitis* (Keadaan kulit gatal yang kronik)
- Kegatalan kulit yang kronik seperti neurodermatitis termasuk lichen planus
- *Intertrigo* (radang pada lipatan badan)
- Dyshidrosis (keradangan kulit yang selalunya menjejaskan tapak tangan dan tapak kaki)
- *Seborrhoeic dermatitis* (keradangan kulit yang selalunya menjejaskan kulit kepala)
- *Exfoliative dermatitis* (kemerahan dan mengelupas kulit di kawasan badan yang luas)
- *Solar dermatitis* (reaksi keradangan kronik kulit terhadap cahaya matahari)
- *Stasis dermatitis* (keradangan kulit yang selalunya menjejaskan kaki bawah)
- *Pruritus* (kegatalan kulit yang teruk)

Bagaimana Uniqler Cream berfungsi

Betamethasone dipropionate adalah sejenis glukokortikod sintetik yang bertindak dengan mengawal sintesis protein. Ia mengurangkan kemerahan, keradangan, bengkak dan iritasi pada kulit.

Sebelum menggunakan Uniqler Cream

Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Uniqler Cream jika anda:

- terdapat alah terhadap bahan yang terkandung di dalam ubat ini

Kehamilan dan Penyusuan

- Jangan mengambil ubat ini jika anda hamil, merancang untuk hamil atau rasa anda mungkin hamil.
- Jangan mengambil ubat ini jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

Sebelum menggunakan Uniqler Cream

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika:

- Keadaan kesihatan anda, alahan dan semua ubat yang sedang anda ambil.
- Jika anda mempunyai sebarang jangkitan kulit.
- Jika anda mempunyai kencing manis. Ubat steroid boleh meningkatkan paras glukosa (gula) dalam darah atau air kencing anda. Doktor anda perlu melaraskan dos ubat kencing manis anda.
- Jika anda menggunakan krim dalam keadaan pembalut kedap udara termasuk lampin bayi, pembalut ini memudahkan bahan aktif menembusi kulit dan mengakibatkan penggunaan terlalu banyak krim Uniqler.

Jika anda tidak pasti sama ada mana-mana perkara di atas berkenaan dengan anda, berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan ubat ini.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat yang lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Uniqler Cream

Berapa banyak harus digunakan

Krim ini adalah untuk penggunaan luaran sahaja.

Sapu krim dengan lapisan yang nipis pada kawasan kulit yang terjangkit 2 kali sehari, pada waktu pagi dan petang.

Tempoh rawatan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Bila perlu digunakan

Dua kali sehari setelah bersihkan dan keringkan bahagian jangkitan.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa lama perlu digunakan

- Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.
- Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini untuk tempoh masa yang lebih panjang.

Jika anda terlupa menggunakannya

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Menggunakan krim ini sebaik sahaja anda teringat. Kemudian, teruskan rawatan seperti biasa.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Hentikan penggunaan Uniqler Cream dengan perlahan.

Semasa menggunakan Uniqler Cream

Perkara yang perlu dilakukan

- Basuh tangan sebelum dan selepas menggunakan krim ini.
- Bersihkan dan keringkan bahagian kejangkitan sebelum menyapukan krim.

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Uniqler Cream.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Uniqler Cream adalah untuk kegunaan luaran sahaja. Krim ini tidak boleh dimakan.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Uniqler Cream dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.
- Jangan gunakan di dalam atau di sekeliling mata

- Jangan gunakan lebih daripada dos yang direkomendasi selain diberitahu oleh doktor anda.
- Jangan tutup kawasan kulit yang dirawat selain diberitahu oleh doktor anda. Menutup kulit boleh meningkatkan jumlah ubat yang diserap ke dalam kulit, ini boleh menyebabkan kesan sampingan yang tidak diingini.
- Jangan gunakan pada kanak-kanak tanpa nasihat doktor. Kanak-kanak boleh menyerap lebih banyak ubat ini melalui kulit (disebabkan oleh luas permukaan kulit yang besar kepada nisbah berat badan) dan berkemungkinan besar mengalami kesan sampingan. Ubat ini juga boleh menjejaskan pertumbuhan kank-kanak.

Perkara yang perlu diberi perhatian

- Sila berunding dengan doktor anda atau ahli farmasi, terutamanya kepada mereka yang terdapat alahan dengan ubat ini.

AMARAN

Semasa menggunakan krim ini untuk masalah kulit:

- Elakkan dari terkena mata dan mulut
- Elakkan kegunaan krim ini dengan pembalut luka occlusive
- Elakkan kegunaan krim ini pada luka terbuka

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, ubat ini boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Kesan-kesan sampingan yang boleh disebabkan oleh kortikosteroid topikal termasuk pempipisan kulit, tanda regangan kulit serta jerawat.

Kegunaan dalam jangka masa panjang, dalam kuantiti yang banyak, atas luka terbuka serta dalam pembalut luka occlusive boleh menyebabkan sindrom Cushing.

Kegunaan dalam kalangan kanak-kanak dalam tempoh yang lama boleh mengganggu kadar pertumbuhan.

Jika anda mengalami tanda-tanda berterusan melebihi 7 hari, sila berjumpa dengan doktor, doktor gigi atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada

Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF)* or *Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Uniqler Cream

Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C.

Jauhi dari kanak-kanak.

Tarikh luput produk ini ditunjukkan pada bungkusan.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Setiap tiub mengandungi 15g krim berwarna putih.

Bahan- bahan kandungan

Bahan aktif

Betamethasone dipropionate

Bahan tidak aktif

Cetomacrogol 1000, Cetostearyl Alcohol, Liquid Paraffin, White Soft Paraffin, Disodium Hydrogen Phosphate, Citric Acid Anhydrous, Chlorocresol, Purified Water.

Nombor MAL

MAL

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Xepa-Soul Pattinson (Malaysia) Sdn Bhd
1-5 Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

20/01/2022

Nombor Siri

NPRA(R2)21/069